

24

Penerapan Elemen E-Pedagogi Dalam Pembelajaran Teradun Bagi Penulisan Karangan Naratif

Sekolah Menengah Tanglin



Irmawati Mascom

irmawati_mascom@schools.gov.sg

Abstrak

Dalam penulisan karangan, pembinaan plot penting bagi membolehkan pembaca memahami kandungan cerita dengan baik. Namun, hal inilah juga yang menghambat pelajar menyusun idea dengan baik. Bertolak daripada masalah ini, kajian ini mempunyai matlamat untuk meneliti keberkesanan pembelajaran teradun dan strategi putaran stesen serta menilai penggunaan wadah ICT dalam proses penulisan kolaboratif. Dalam proses pembelajaran, pelajar diberi ruang dan masa untuk berfikir dan berbincang dengan rakan-rakan untuk membina isi karangan naratif dengan lebih baik. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan pembelajaran teradun dan strategi putaran stesen telah membantu guru memberikan maklum balas dengan lebih berkesan bagi membolehkan pelajar menjana idea yang baik dan menghasilkan karangan naratif yang lebih menarik.

Kata Kunci: pembelajaran teradun, stesen putaran, pembelajaran kolaboratif, penulisan naratif

PENGENALAN


Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah dalam era teknologi ini telah banyak berubah jika dibandingkan dengan sepuluh tahun yang lalu. Kini, pihak sekolah perlu melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan yang diperlukan, kemahiran dan sikap untuk tekal berdaya tahan dalam dunia yang sering berubah, saling berhubungan dan amat rencam. Kementerian Pendidikan Singapura telah pun melaksanakan Program Pembelajaran Digital Nasional atau NDLP yang menggalakkan setiap pelajar Menengah 1 hingga 3 untuk menggunakan alat Peranti Pembelajaran Peribadi, seperti iPad atau komputer riba, bermula pada hujung penggal 3 tahun 2021. Dengan usaha ini, guru harus menjadikan Pembelajaran Teradun atau *Blended Learning*, sebagai ciri penting dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran agar dapat membentuk pelajar yang mampu berdikari dan bersemangat untuk terus belajar sepanjang hayat.

Dalam pendekatan pembelajaran teradun, para pelajar akan terdedah pada pembelajaran kurikulum yang dijalankan di sekolah dan di rumah dengan memanfaatkan pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian secara berurutan. Pelajar akan mengikuti pembelajaran sebahagian waktu di sekolah dalam kelas secara bersemuka dan kemudian mengikuti pembelajaran di rumah pada sebahagian waktu juga sama ada dalam talian ataupun bukan dalam talian.

Namun, pembelajaran di rumah tidak semestinya berlaku sebagai satu pelajaran yang tersendiri atau hanya berbentuk tugas sahaja kerana pengalaman pembelajaran pelajar perlu mempunyai kesinambungan dari satu pengalaman pembelajaran kepada pengalaman pembelajaran yang lain (*seamless learning experiences*). Pengalaman ini akan memberikan peluang kepada para pelajar untuk belajar pada masa, kesediaan dan kelajuan mereka sendiri. Lantas hal ini memperkasakan diri pelajar untuk lebih bertanggungjawab dalam pembelajaran mereka sendiri.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang sering dihadapi para pelajar dalam penulisan karangan naratif adalah dalam kemahiran menulis jalan cerita yang baik. Daripada pemerhatian guru, markah ujian penilaian semester pertama memberikan dapatan awal



yang menunjukkan para pelajar mempunyai kelemahan semasa proses menjana idea yang menarik dalam merancang plot cerita karangan mereka.

Pemerhatian awal guru juga menunjukkan para pelajar selalunya hanya dinilai secara sumatif dalam setiap tugasan penulisan, iaitu hanya markah diberi setelah guru menyemak hasil penulisan e-mel pelajar. Pelajar-pelajar tersebut juga merupakan pelajar Menengah 1 yang masih kurang mahir dalam penulisan karangan. Lebih-lebih lagi, dalam keadaan yang amat mencabar sejak tahun lalu, para pelajar terpaksa belajar secara sendiri dengan kurangnya pemerhatian daripada guru secara bersemuka kerana pembelajaran sering berlaku di rumah atau secara sendiri di sekolah akibat situasi pandemik COVID-19 di negara ini.

Dalam wawancara awal dengan para pelajar, guru mendapati bahawa mereka kurang idea untuk merancang plot cerita yang lebih menarik. Mereka juga kurang pasti akan kelemahan mereka dalam penulisan isi cerita kerana markah yang diberi tidak menunjukkan kelemahan secara khusus yang boleh mereka renungkan untuk memperbaiki penulisan mereka. Oleh itu, pelajar-pelajar ini kurang pasti hasil yang diinginkan dalam kemahiran menulis karangan naratif. Tambahan, mereka kurang berinteraksi dengan rakan-rakan dek pelaksanaan peraturan keselamatan pada waktu ini. Mereka berkongsi bahawa dengan lebih banyak peluang berinteraksi, mereka akan dapat lebih banyak idea untuk merancang plot cerita. Natiyahnya, para pelajar lebih suka belajar secara kolaboratif dan ingin memanfaatkan alat teknologi agar mereka dapat menjana idea yang lebih baik dalam membina plot karangan naratif.

Sehubungan itu, guru perlu memikirkan kaedah atau strategi yang lebih baik untuk membantu pelajar dalam proses penulisan karangan naratif. Pelajar perlu diberi suara dan diberi peluang bekerja dalam kumpulan agar boleh memanfaatkan kolaborasi dengan rakan-rakan untuk menjana idea yang lebih baik. Guru juga perlu memberikan maklum balas deskriptif yang khusus yang boleh menerangkan kelemahan pelajar dan bagaimana mereka boleh memperbaiki isi karangan yang ditulis. Maklum balas juga perlu diberikan dengan cepat atau dalam jangka masa yang singkat agar dapat membimbing pelajar dalam proses penulisan yang berkesan. Amalan Pengajaran Singapura juga menegaskan agar guru-guru membantu setiap pelajar belajar dengan lebih baik dan meningkatkan rasa seronok dalam proses pembelajaran yang dilalui.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. menilai keberkesanan e-Pedagogi dalam pembelajaran teradun untuk meningkatkan kemahiran menjana idea dalam penulisan karangan naratif;
2. meneliti keberkesanan pendekatan stesen putaran, dalam membantu pelajar menjana idea untuk penulisan karangan naratif; dan
3. menilai keberkesanan penggunaan wadah ICT, OneNote dan Padlet, dalam proses menjana idea dalam penulisan dengan memberi maklum balas yang berkesan.

KAJIAN LEPAS

Pembelajaran teradun merupakan pembelajaran yang berlaku di rumah pada sebahagian masa dan juga di sekolah secara bersempua pada sebahagian masa. Sejalan dengan polisi Program Pembelajaran Digital Nasional atau NDLP, sekolah menengah harus menerapkan pendekatan pembelajaran teradun dalam kurikulum setiap subjek (MOE: 2020).

Pendekatan pembelajaran teradun memberi peluang kepada para pelajar untuk belajar mengikut rentak, masa dan keupayaan masing-masing (Tucker, 2017). Pendekatan ini bermanfaat untuk pelajar kerana mereka diberi autonomi dalam pelajaran mereka. Dalam satu dapatan kajian, model pembelajaran teradun mempunyai potensi untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran, dan memberi mereka peluang untuk meneroka persepsi dan memberikan hasil pembelajaran yang lebih baik (Hamilton, 2018). Sekiranya pelajar kurang faham akan sesuatu perkara, mereka boleh merujuk semula kandungan secara dalam talian dan masih boleh berkomunikasi dengan guru dan rakan sedarjah. Oleh itu, pelajar mempunyai banyak peluang untuk mempertingkatkan pemahaman mereka dalam sesuatu pelajaran itu.

Sama seperti keperluan PdP di dalam bilik darjah tradisional, guru perlu memikirkan cara menerapkan e-Pedagogi dalam merancang dan melaksanakan PdP yang berkesan di dalam bilik darjah (MOE, 2020). Guru juga perlu menyediakan ruang pembelajaran yang selamat dalam talian juga, di mana pelajar boleh mengakses bahan-bahan pembelajaran dengan mudah



dan dapat berinteraksi dengan rakan-rakan sedarjah (Tucker, 2017). Dalam strategi putaran stesen pula, guru boleh menyediakan pembelajaran dalam kumpulan yang lebih kecil, dengan menerapkan pembelajaran pembezaan untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar dan dapat meluangkan masa dengan pelajar-pelajar yang memerlukan bimbingan bagi meningkatkan pembelajaran mereka (Tucker, 2017).

Dalam pembelajaran teradun, para guru juga dapat memantau kemajuan pembelajaran pelajar dan memberikan maklum balas dengan segera. Ini sekaligus membolehkan guru menyesuaikan perbincangan yang akan dilakukan di dalam bilik darjah mengikut keperluan dan tahap pemahaman dan keupayaan para pelajar. Oleh itu, penilaian formatif boleh berlaku walaupun pelajar dan guru tidak berinteraksi secara bersemuka. Penilaian formatif berlaku apabila pelajar dan guru fokus pada pencapaian matlamat pembelajaran, sedar akan tugas yang sedang dilakukan dan berusaha untuk mencapai matlamat pembelajaran yang ditetapkan (Brookhart, 2010).

Sehubungan dengan itu, pembelajaran melalui ICT juga dapat dilihat sebagai pendekatan yang boleh memberikan motivasi dan keinginan belajar dalam diri pelajar.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan merupakan satu kajian tindakan berbentuk eksperimen dengan mengumpul data kuantitatif dan kualitatif. Berdasarkan dapatan awal memberikan tanda bahawa guru harus mengambil pendekatan pembelajaran teradun berpandukan e-Pedagogi dan mengusahakan satu kaedah intervensi yang perlu dikaji keberkesannya.

Satu pakej PdP telah dihasilkan selaras dengan pedagogi berperancah yang disarankan dalam kerangka e-Pedagogi. Pengalaman pembelajaran yang diberi penekanan ialah perbincangan. Rajah 1 merupakan penerangan mengenai proses pengajaran yang telah dirancang dan dilaksanakan sejajar dengan empat Proses Pembelajaran secara Aktif.

Rajah 1: Pengalaman Pembelajaran Perbincangan



Subjek Kajian

Pelajar-pelajar Menengah 1 dipilih sebagai subjek kajian. Mereka merupakan pelajar aliran Ekspres dan Normal Akademik yang mengambil program Bahasa Melayu Standard. Seramai 20 orang pelajar terlibat dalam pelajaran intervensi ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan data adalah seperti yang berikut:

1. Soal selidik
2. Anekdot – Pemerhatian Guru
3. Markah Tugas Karangan Naratif (Markah Isi sahaja)

Setelah praujian dijalankan, pengajaran intervensi dilaksanakan dengan menggunakan pakej yang telah disiapkan guru. Dalam pelajaran ini, kemahiran menulis menjadi fokus dan pengajaran bagi proses menulis dilaksanakan sepenuhnya walaupun fokusnya ialah bahagian penjana idea plot cerita.

Pengajaran dijalankan seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Proses Pengajaran Intervensi

Pelajaran 1 dan 2 (<i>Asynchronous</i> – Di Rumah)	Aktiviti Pramenulis Mengaktifkan pembelajaran	Pelajar 1. menonton filem pendek 2. memberi respons tentang jalan cerita 3. mengenal pasti plot cerita (Pembelajaran bahagian-bahagian dalam plot cerita) 4. meneliti contoh-contoh plot cerita yang sedia ada
Pelajaran 3 & 4 <i>Synchronous</i> – Di sekolah	Model Putaran Stesen <i>Station Rotation Model</i> – Pembelajaran Teradun Menggalakkan Pemikiran dan Perbincangan	Stesen 1 • Menonton Video dan berbincang lalu mengenal pasti plot cerita berdasarkan jalan cerita dalam filem pendek (di Padlet) Stesen 2 • Baca beberapa karangan contoh dan berbincang lalu mengenal pasti plot cerita dalam karangan tersebut (di Padlet)
	** Memantau dan Memberikan Laporan Balik	Stesen 3 • Menjana Idea berdasarkan tajuk karangan yang diberi di Padlet – Pelajar dapat berbincang dan berkongsi idea-idea mereka untuk menjana idea plot cerita Stesen 4 (dengan guru) • Guru membimbing pelajar dan memberikan maklum balas • Pengajaran pembezaan – kumpulan pertama – pelajar yang mempunyai tahap kesediaan yang rendah, guru perlu menerangkan dengan lebih banyak lagi tentang konsep plot cerita • Kemudian guru menilai kelakonan kumpulan pelajar di setiap stesen; memberi maklum balas dan membimbing pelajar berdasarkan keperluan dan kesediaan mereka

Pelajaran 5 Synchronous – Di sekolah	Aktiviti Menulis Memudah cara Demonstrasi Pembelajaran Memantau dan Memberikan Laporan Balik	1. Pelajar menulis karangan naratif di OneNote (Penulisan Kolaboratif – Guru dan Pelajar secara individu sahaja) 2. Guru memberi maklum balas berbentuk komen semasa pelajar menaip karangan mereka (guru menggunakan alat komen untuk memberikan maklum balas yang berbentuk deskriptif dan soalan-soalan untuk membantu pelajar berfikir.
Pelajaran 6 Synchronous – Di sekolah	Aktiviti Pascamenulis Memantau dan Memberikan Laporan Balik	1. Pelajar melakukan penilaian sendiri berdasarkan senarai semak yang diberi. 2. Guru memberi maklum balas berbentuk komen berdasarkan rubrik bahagian isi.

Guru telah melaksanakan pengajaran intervensi ini selama dua minggu yang melibatkan enam waktu pelajaran. Data pascaujian telah dikumpul setelah pengajaran intervensi ini selesai yang berbentuk ujian kelas dan juga penggunaan borang soal selidik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada instrumen kajian adalah seperti yang berikut.

Jadual 2: Dapatan Praujian dan Pascaujian

	Praujian (Mean)	Pascaujian (Mean)	Saiz Berkesan (<i>Effect Size</i>)
Markah Isi	13.0	13.9	1.62
Markah Penuh	26.15	27.15	2.62

Markah purata menunjukkan kenaikan markah bagi bahagian isi. Markah purata praujian, 13.0 bagi isi dan kenaikan markah sebanyak 0.9 kepada 13.9 dalam markah pascaujian. Walaupun markah ini diambil daripada penilaian sumatif, kenaikan markah isi ini walaupun tidak banyak masih juga menunjukkan bahawa para pelajar lebih sedar akan kemahiran menulis karangan naratif berdasarkan aktiviti pembelajaran teradun yang lebih berfokus dan maklum balas guru semasa pelajaran putaran stesen dan juga penulisan di One Note. Pelajar secara sedar lebih tahu bahawa usaha mereka sebelum ini kurang memadai untuk mendapatkan markah yang lebih baik. Tambahan, disebabkan mereka lebih tahu akan usaha yang diperlukan untuk menulis plot cerita yang lebih baik, usaha semasa penilaian sumatif juga lebih baik daripada sebelumnya. Oleh itu, markah keseluruhan pelajar juga semakin baik. Hal ini menunjukkan kesan yang positif dalam pembelajaran pelajar. Data kuantitatif dapatan soal selidik adalah seperti berikut.

Jadual 3: Dapatan Soal Selidik

Soalan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saya suka pembelajaran yang menggunakan alat digital iPad.	35%	65%	0	0
Saya suka pembelajaran teradun. (Pembelajaran di rumah SDL dan kemudian disambung di sekolah).	15%	65%	10%	10%
Saya suka pembelajaran teradun dengan model Stesen Putaran di dalam kelas.	40%	60%	0	0
Saya suka menyuarakan pendapat saya di wadah online seperti Padlet.	20%	65%	15%	0
Saya fikir pelajaran ini membantu saya memahami plot cerita dengan lebih jelas.	35%	60%	5%	0
Saya suka apabila cikgu berikan maklum balas atau komen di Padlet dan One Note.	20%	65%	15%	0
Saya faham komen cikgu dan tahu bagaimana untuk memperbaiki idea saya.	40%	60%	0	0

Data kualitatif anekdot dari pada pengamatan guru semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung dikod dan hasilnya seperti yang berikut.

Jadual 4: Nota Anekdot Guru

Perkara	Pengamatan Guru
Keseronokan melakukan tugas melalui ICT	Pelajar berasa teruja melakukan tugas di wadah online. Di dalam kelas, pelajar lebih fokus dan kurang terganggu dengan perkara-perkara lain.
Pelibatan pelajar semasa pelajaran Stesen Putaran (<i>Station Rotation</i>)	Guru dapat memberikan lebih banyak perhatian kepada kumpulan pelajar yang lemah dan memerlukan bimbingan guru. Pelajar-pelajar yang lebih bersedia boleh mengikuti pembelajaran sendiri di stesen sendiri. Pelajar-pelajar dapat bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk berbincang dan menghasilkan perspektif idea sendiri. Pelajar lebih berdikari dan dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan baik.
Maklum balas melalui ICT	Pelajar boleh menulis karangan naratif dengan lebih baik setelah membaca komen guru mengenai plot cerita yang mereka rancang. Pelajar yang tidak faham komen guru perlu mendapatkan penjelasan guru secara lisan.





Maklum balas deskriptif	Komen guru membantu pelajar dalam proses menulis dan mereka dapat terus membuat pembaikan. Namun, ada juga pelajar yang tidak membaca komen guru atau terlepas pandang dan perlu diberi peringatan. Ada juga pelajar yang kurang memahami maklum balas deskriptif lalu mereka akan bertanya guru secara lisan.
-------------------------	--

Data ini menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang suka akan pendekatan pembelajaran teradun dan model stesen putaran di dalam kelas. Pelajar juga suka berinteraksi dengan guru untuk mendapatkan maklum balas deskriptif kerana mereka dapat maklum balas yang tepat pada bahagian plot cerita yang perlu diperbaiki. Dalam stesen putaran stesen juga pelajar mendapat bimbingan guru secara khusus dan lebih masa jika dibandingkan dalam pembelajaran biasa dalam kelas. Maklum balas ini juga lebih khusus dan cepat diterima semasa waktu pelajaran. Lantas, mereka boleh terus memperbaiki plot cerita mereka pada waktu itu juga.

Sejajar dengan pendapat Tucker, model putaran stesen memberi peluang pengajaran pembezaan dapat dimanfaatkan pelajar yang kurang bersedia dengan adanya pembelajaran dalam kumpulan kecil dan bimbingan guru. Faktor masa pula memainkan peranan yang penting untuk guru memberikan maklum balas kepada pelajar. Hal ini sejajar dengan pendapat Brookhart mengatakan bahawa peruntukan masa yang baik merupakan faktor utama agar maklum balas menjadi berkesan. Oleh itu, wadah ICT membantu dalam aspek masa ini kerana guru dapat membaca semasa pelajar sedang menaip idea-idea mereka bagi plot cerita dan juga karangan mereka, guru juga dapat terus menilai dan memberikan maklum balas secara langsung (in real time) kepada pelajar. Pemantauan guru juga menunjukkan bahawa pelajar lebih aktif dalam melakukan tugas mereka dan penggunaan ICT telah membantu pelajar dalam membina sikap pembelajaran yang lebih positif dan ingin memperbaiki tugas mereka setelah guru memberi maklum balas.

Namun, maklum balas deskriptif secara dalam talian atau pembelajaran teradun (di rumah) kurang disenangi oleh beberapa orang pelajar. Ada antara mereka yang masih suka pembelajaran bersemuka sahaja. Ada juga pelajar yang kurang memahami maklum balas deskriptif yang guru berikan dan mereka memerlukan penerangan lanjut. Pelajar-pelajar ini merupakan golongan pelajar yang berkebolehan rendah, jadi mereka memerlukan penerangan yang lebih jelas. Oleh itu, guru perlu juga secara sedar memahami keperluan pelajar mereka. Dalam aspek ini, wadah ICT kurang membantu kerana kata-kata guru dalam bentuk komen yang ditaip kurang difahami oleh golongan






pelajar. Lantas, guru masih perlu berkomunikasi secara bersemuka dengan pelajar untuk menjelaskan maklum balas deskriptif yang diberi. Oleh itu, guru perlu juga memanfaatkan masa pembelajaran bersemuka dengan pelajar dalam kumpulan ini. Model stesen putaran juga boleh menjadi satu strategi pengajaran yang berkesan di dalam kelas agar kumpulan pelajar ini mendapat perhatian guru dan pelajar yang dalam kumpulan yang lebih bersedia dan lebih berdikari.

CADANGAN

Pengajaran intervensi ini boleh dijalankan lagi dengan pembaikan bagi cara strategi stesen putaran dijalankan. Memandangkan ada kumpulan pelajar yang lebih suka akan wadah bersemuka semasa pelajaran, guru boleh menjalankan pelajaran stesen putaran secara bersemuka di dalam bilik darjah sahaja dan peruntukan waktu yang mencukupi agar pelajar dapat mengikuti semua aktiviti pelajaran di setiap stesen. Guru pula boleh melakukan pemantauan agar pelajar yang memerlukan bantuan boleh mendapat sokongan guru dengan cepat. Guru juga boleh peruntukan masa yang lebih agar pelajar mempunyai ruang sendiri tanpa desakan masa untuk menyelesaikan tugas mereka dalam setiap aktiviti pembelajaran. Selain itu, guru juga boleh menggunakan alat pengumpulan data yang lain untuk menghubungkaitkan dapatan kajian, contohnya boleh jalankan perbincangan kumpulan berfokus atau interviu dengan pelajar-pelajar yang terlibat agar dapat menghubungkaitkan dengan dapatan tinjauan berkaitan persepsi pelajar.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa matlamat pembelajaran pelajar menjadi ukur tara keberkesanan pendekatan e-Pedagogi dan pembelajaran teradun. Pelajar juga perlu terlibat dalam penilaian yang berterusan atau bentuk formatif agar pembelajaran mereka dapat dipantau dengan lebih berkesan. Pelajar suka bentuk pembelajaran berkumpulan dan interaksi dengan rakan-rakan serta dengan guru juga. Interaksi ini dapat membantu memberikan ruang interaksi sosial antara pelajar dan juga memberikan peluang pembelajaran sendiri untuk para pelajar. Sekali gus, pelajar juga dapat lebih melibatkan diri dalam pembelajaran dan pelaksanaan tugas-tugas mereka di dalam kelas dan juga di rumah.




Namun begitu, guru perlu juga mengambil kira pendekatan motivasi untuk menggalakkan pelajar berusaha dan ingin mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik. Aspek lain juga perlu diambil kira, contohnya, tahap penguasaan bahasa pelajar. Pelajar yang lemah memerlukan masa yang panjang untuk memikirkan idea-idea mereka semasa menjana idea bagi membina plot cerita mereka. Pelajar-pelajar dalam kumpulan ini juga memerlukan masa untuk membentuk ayat-ayat mereka agar dapat menyampaikan isi yang baik. Mereka juga mempunyai kosa kata yang terhad. Kekurangan ini juga menghambat kebolehan mereka untuk melakukan yang lebih baik, sama ada dalam perbincangan dengan rakan-rakan dalam wadah Padlet ataupun secara bersemuka di dalam kelas. Secara keseluruhan, pelajar-pelajar juga memerlukan masa untuk memahami maklum balas guru dan kemudian memperbaiki isi karangan mereka.

Dalam proses pengajaran intervensi ini juga, guru dapat melihat bahawa pemantauan guru semasa perbincangan di dalam kelas dalam pendekatan stesen putaran amat penting walaupun ada kumpulan pelajar yang berkeupayaan tinggi dan boleh melakukan tugas secara sendiri. Guru juga perlu memastikan bahawa pelajar melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti pembelajaran mereka. Di sini, kemahiran guru sebagai fasilitator amat penting untuk memastikan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan lancar dan semua kumpulan pelajar dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan baik.

Dalam penilaian secara formatif pula, kriteria kejayaan yang jelas amat perlu agar pelajar tahu akan aspek penulisan yang dinilai dan akan fokus pada aktiviti pembelajaran yang akan memberikan hasil yang baik untuk membantu mereka memenuhi kriteria kejayaan mereka sendiri. Maklum balas yang diberi guru perlulah fokus pada aspek yang dinilai juga. Dapatan ini juga selaras dengan penekanan pada matlamat tugas atau pembelajaran yang dijelaskan oleh Brookhart di mana kriteria kejayaan perlu menjadi fokus utama apabila guru memberikan tugas agar pelajar lebih jelas matlamat pembelajaran yang harus mereka capai.

Alat dan wadah ICT juga memainkan peranan penting dalam aspek masa dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang baik. Oleh sebab pelajar sudah pun mempunyai alat peranti mereka sendiri, iaitu iPad, guru tidak lagi memerlukan masa yang lama untuk menyediakan alat-alat ini untuk mereka. Namun, pelajar perlu lebih bertanggungjawab untuk memastikan alat peranti mereka dicaj dan boleh digunakan dalam masa pembelajaran



agar tidak terlalu banyak masalah teknikal yang timbul. Oleh itu, pendekatan ini telah menunjukkan kesan yang positif dalam pembelajaran pelajar. Kini, dengan adanya alat peranti sendiri, pelajar mudah menggunakan wadah ICT dan guru juga boleh lebih kerap menggunakan wadah ini dalam pelaksanaan PdP.

RUJUKAN

Brookhart, Susan M. (2010). Formative assessment strategies for every classroom. Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.

Curriculum Planning Division and Educational Technology Division (2021). The Blended learning guide. Ministry of Education, Singapore.

Educational Technology Division (2020). E-Pedagogy guide. Ministry of Education, Singapore.

Hamilton, Victoria R., (2018) Blended learning and second language acquisition in the classroom. University of Northern Iowa.

Kementerian Pendidikan Singapura, (2020) di laman internet, <https://www.moe.gov.sg/news/press-releases/20201229-blended-learning-to-enhance-schooling-experience-and-further-develop-students-into-self-directed-learners>

Tucker, Catlin R, Wycoff, Tiffany & Green, Jason T, (2017). Blended Learning In Action, A Practical Guide Toward Sustainable Change. Corwin: SAGE Company.